

# FLUCLOXIL CAPSULE

Flucloxacillin sodium (250mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan FLUCLOXIL
2. Bagaimana FLUCLOXIL berfungsi
3. Sebelum menggunakan FLUCLOXIL
4. Cara menggunakan FLUCLOXIL
5. Semasa menggunakan FLUCLOXIL
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan FLUCLOXIL
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan FLUCLOXIL

Flucloxacillin ialah antibiotik yang digunakan untuk merawat jangkitan disebabkan oleh bakteria pada bahagian tertentu badan. Ini termasuklah jangkitan saluran pernafasan, kulit dan tisu badan.

Doktor anda mungkin mempreskripsikan FLUCLOXIL untuk tujuan lain. Tanya doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang soalan tentang sebab FLUCLOXIL dipreskripsikan kepada anda.

## Bagaimana FLUCLOXIL berfungsi

Flucloxacillin merupakan antibiotik yang tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai penicillin. Antibiotik ini bertindak dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan.

## Sebelum menggunakan FLUCLOXIL

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil FLUCLOXIL jika anda alah kepada

- Flucloxacillin,
- Penicillin atau cephalosporin yang lain
- sebarang kandungan yang disenaraikan pada bahagian akhir risalah ini.

Jangan mengambil ubat ini jika: Anda pernah mengalami masalah hati (contohnya penyakit kuning) sebelum ini selepas mengambil flucloxacillin .

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda salahguna pada pembungkusan.

Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.

### - Sebelum menggunakan FLUCLOXIL

Beritahu doktor anda jika anda pernah mengalami reaksi alahan terhadap sebarang antibiotik sebelum ini.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, sebarang bahan lain seperti makanan, pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda:

- mempunyai masalah hati atau warna kuning pada kulit dan putih mata .
- mempunyai masalah buah pinggang

- pesakit yang lebih tua
- pernah mengalami cirit-birit disebabkan oleh antibiotik.

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau bercadang untuk hamil atau menyusukan bayi.

Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat mengambil ubat ini.

Jika anda belum memberitahu doktor anda tentang mana-mana perkara di atas, beritahunya sebelum anda mula mengambil FLUCLOXIL.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan FLUCLOXIL boleh bertindak balas satu sama lain. Ini termasuklah probenecid yang digunakan untuk merawat gout.

Ubat ini mungkin dipengaruhi oleh FLUCLOXIL atau mungkin menjelaskan fungsinya. Anda mungkin perlu mengambil ubat anda dalam jumlah yang berlainan atau anda mungkin perlu mengambil ubat yang berlainan.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa anda mengambil FLUCLOXIL.

## Cara menggunakan FLUCLOXIL

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekirannya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 250mg setiap 6 jam

Kanak-kanak:

2 – 10 tahun : separuh dos orang dewasa

Bawah 2 tahun : suku dos orang dewasa

Doktor anda mungkin menetapkan dos yang berbeza berdasarkan jenis jangkitan yang anda ada atau jika anda mempunyai penyakit buah pinggang atau hati.

### - Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari.

Mengambil setiap dos FLUCLOXIL pada masa yang sama setiap hari akan memberi kesan terbaik. Ia juga akan membantu anda mengingati masa mengambil ubat.

Ia patut diambil setengah atau satu jam sebelum makan.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ambil FLUCLOXIL secara berterusan sehingga pek ini habis atau seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jika tidak, ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa.

Jika anda sukar mengingati masa untuk mengambil pil anda, minta petua daripada ahli farmasi anda.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil FLUCLOXIL, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Sesetengah simptom terlebih dos termasuklah:

- Rasa loya
- Muntah-muntah
- Cirit-birit

## Semasa menggunakan FLUCLOXIL

### - Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anda bahawa anda sedang mengambil FLUCLOXIL.

Jika simptom jangkitan anda tidak bertambah baik dalam beberapa hari, atau jika ia menjadi lebih buruk, beritahu doktor anda.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami cirit-birit teruk. Ini mestilah dilakukan walaupun ia berlaku beberapa minggu selepas FLUCLOXIL dihentikan.

Cirit-brit boleh bermakna anda mengalami keadaan yang serius yang menjelaskan usus anda. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera. Jangan mengambil sebarang ubat cirit-brit tanpa memeriksa dengan doktor anda terlebih dahulu.

Jika anda hamil semasa anda mengambil FLUCLOXIL beritahu doktor anda dengan segera.

Jika anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil FLUCLOXIL.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil FLUCLOXIL jika keadaan anda bertambah baik, melainkan dinasihati oleh doktor anda.

Jika anda tidak menghabiskan semua ubat yang dipreskripsi oleh doktor anda, semua bakteria yang menyebabkan jangkitan anda mungkin tidak dibunuh. Bakteria ini akan terus membiak dan bertambah menyebabkan jangkitan anda tidak pulih sepenuhnya atau ia mungkin kembali.

Jangan mengambil FLUCLOXIL untuk merawat sebarang masalah lain

melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana FLUCLOXIL mempengaruhi anda.

**Kesan-sesan sampingan**

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang keimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Jangan khuatir dengan senarai ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- cirit-birit
- rasa loya
- muntah
- ruam kulit
- gatal-gatal
- sakit perut
- sukar atau sakit semasa buang air kecil
- tindak balas kulit yang teruk dengan ruam, mengelupas atau lepuh.
- Pendarahan dan lebam yang luarbiasa, anemia (mungkin disebabkan oleh perubahan dalam bilangan sel-sel darah)

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak

sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan FLUCLOXIL**

- Penyimpanan

Simpan ubat anda dalam peknya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Jika anda mengeluarkan ubat daripada peknya, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat suhu bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan FLUCLOXIL atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di atas unjuran tapak tingkap atau dalam kereta.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil FLUCLOXIL atau ubat ini

sudah melepassi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Kapsul bersaiz 2, berwarna biru/putih dengan tanda 'DUO 861'.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Flucloxacillin sodium

Bahan tidak aktif:

- Magnesium stearate
- Lactose
- Talcum

- Nombor MAL

MAL19890594A

**Pengilang**

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RIMUP**

07/01/2016

**Nombor Siri**

BPFK(R4/1)070116/00006